PENANG

PERCUMA

PENANG 2030

BULETIN MUTIARA

1 - 15 OGOS, 2023

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Hari Buletin
## ke seluruh Pulau Pinang

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **SIEW CHIA EN**

**PULAU BETONG -** Hari Buletin 2.0 yang dianjurkan di Kompleks Sukan Balik Pulau pada 25 Jun lalu akan dibawa ke seluruh pelosok negeri ini, kata Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow.

Mengulas lanjut, Kon Yeow yang merupakan Ketua Menteri Pulau Pinang berkata bahawa pentadbirannya berharap acara seumpama itu dapat menjadi satu lagi platform interaksi seisi keluarga di samping mengeratkan hubungan antara rakyat dengan Kerajaan Negeri hari ini.

“Adalah menjadi etika serta pegangan Buletin Mutiara untuk hanya melaporkan berita-berita benar tanpa menyentuh sensitiviti mana-mana pihak.

“Dengan ini, penerbitan ini kini terus gah menjadi akhbar pilihan yang diterbit siar oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan secara tidak langsung penganjuran Hari Buletin ini adalah manifestasi penerimaan rakyat Pulau Pinang terhadap sidang redaksi ini,” jelasnya semasa berucap dalam majlis perasmian penutup program tersebut di Kompleks Sukan Balik Pulau di sini.

Turut serta, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bayan Lepas, Azrul Mahathir Aziz; Pegawai Daerah Barat Daya, Mohd. Hafiz Aswad Nadzri dan barisan ketua-ketua jabatan negeri juga Persekutuan.

*(Sambungan di muka 2).*










**1. KETUA Menteri merakam gambar kenangan dengan anak-anak muda yang memenangi pertandingan futsal bersempena penganjuran Hari Buletin 2.0 di sini baru-baru ini.**

**2. AZRUL Aziz Mahathir yang cuba menggunakan senjata pasukan Angkatan Tentera Malaysia.**

**3. SALAH seorang pengunjung mencuba senjata yang dipamerkan oleh Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).**

*(Sambungan dari muka 1).*

# Platform interaksi seisi keluarga

**DIFAHAMKAN,** program seharian tersebut adalah susulan penganjuran Hari Buletin 1.0 di di Taman Tangling dekat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Bukit Tambun pada 18 Mac lepas.

Dalam perkembangan berkaitan, Kon Yeow yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi menyatakan bahawa menjelang musim Pilihan Raya Negeri (PRN) Pulau Pinang, semua pihak seharusnya menyaring berita yang dilayari serta dibaca supaya benar-benar daripada sumber yang sahih.

"Menerusi peredaran masa dan perkembangan teknologi, kita sering kali terdengar mengenai fakta-fakta berita yang disensasikan tanpa dibuktikan kesahihannya.

"Malah, ada juga (sesetengah pihak) begitu fanatik dengan laman-laman sosial yang menyiarkan liputan-liputan berita sebegitu rupa (sensasi tanpa dibuktikan kesahihannya)," tegasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Batu Kawan.

Di samping itu, beliau berkata kadang kala berita sensasi yang tidak dapat dibuktikan kesahihannya tersebut menimbulkan salah faham, menyentuh isu-isu perkauman hatta menyumbang kepada perpecahan keharmonian rakyat di Pulau Pinang.

Pertandingan melukis, menyanyi, mewarna, pakaian beragam, grafiti, sukaneka keluarga, gerai jualan serta pameran agensi-agensi kerajaan merupakan acara menarik yang terdapat pada penganjuran kali ini.



**SEBAHAGIAN kanak-kanak yang mengambil bahagian dalam peraduan mewarna serta melukis yang diadakan.**



**AKSI pemain dalam pertandingan futsal.**




**PERTANDINGAN pakaian beragam yang menjadi tumpuan.**




**PROGRAM jualan FAMA yang turut diadakan.**




Oleh:
**AZMI HUSSIN**

# Satelit pertama 'Pulau Pinang' dilancarkan

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**BATU UBAN -** Syarikat global rangkuman teknologi angkasa lepas terkemuka, Angkasa-X berjaya melancarkan satelit pertama buatan Malaysia, *A-SEANSAT-PG1* (PG1) pada 27 Jun 2023.

Pelancaran dari *Vostochny Cosmodrome*, Rusia itu disiarkan secara langsung di empat lokasi iaitu di Universiti Sains Malaysia (USM) Pulau Pinang; ibu pejabat Agensi Angkasa Malaysia (MySA) di Pusat Angkasa Negara dan pejabat *GreenPro Capital* di Kuala Lumpur serta dekat Kuching di Sarawak Digital Economy Corporation Berhad (SDEC).

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow yang hadir di USM bagi menyaksikan detik bersejarah itu, amat teruja dan yakin bahawa pelancaran PG1 memanfaatkan bukan sahaja Pulau Pinang dan Malaysia malahan rantau Asia Tenggara.

"Marilah kita sematkan dalam ingatan bahawa saat ini adalah permulaan sebuah perjalanan yang luar biasa yang melambangkan komitmen (Kerajaan Negeri) Pulau Pinang terhadap penerokaan teknologi angkasa lepas.

"Detik ini juga memberi kemungkinan tanpa had dalam merealisasikan Visi Penang2030 dan menjadikan Pulau Pinang sebuah Negeri Hijau dan Pintar Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara.




**KETUA Menteri dan wakil-wakil berkaitan menunjukkan tanda bagus ketika bersama-sama meraikan detik bersejarah pelancaran satelit pertama buatan tempatan, PG1 di sini baru-baru ini.**

"Malah, pencapaian ini bukan sahaja menjadi meningkatkan kesalinghubungan data tetapi juga membuka pintu untuk pertumbuhan ekonomi yang lebih memberangsangkan dan menjana pembangunan tenaga kerja mahir bernilai tinggi untuk terus berinovasi dalam membangunkan penyelesaian teknologi angkasa lepas baharu pada peringkat global," ujarnya sebelum majlis pelancaran berkaitan di sini.

Hadir sama, Naib Canselor USM, Profesor Datuk Ir. Dr. Abdul Rahman Mohamed dan pengarah misi serta sistem kejuruteraan Angkasa-X, Dr. Zulkifli Abdul Aziz.

Pada masa sama, Kon Yeow melahirkan rasa gembira apabila Angkasa-X selaku pemain utama dalam industri angkasa lepas turut menyahut seruan Visi Penang2030.

"Sebagai satelit pertama yang dilancarkan oleh Angkasa-X, ia sesuai dinamakan sempena negeri Pulau Pinang yang memaparkan keupayaan negeri ini untuk menerajui pembangunan ekosistem teknologi angkasa lepas.

"Syabas dan tahniah atas usahasama Angkasa-X, USM, *Malaysian Industry-Government Group for High Technology* (MIGHT), Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Persekutuan, ahli-ahli akademik dan rakan-rakan industri dalam merealisasikan projek ini.

"Saya juga amat berbesar hati untuk menyatakan bahawa Malaysia merupakan negara pertama di Asia Tenggara yang mereka cipta, memasang dan melancarkan satelit berorbit bumi rendah (LEO) tempatan pertama RazakSAT-1 pada 2009 dan kini PG1 pada tahun 2023," katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Angkasa-X, Dr. Sean Seah memberitahu bahawa pelancaran satelit oleh syarikat terbabit menonjolkan bakat luar biasa serta kemahiran kejuruteraan yang cemerlang.

"Pencapaian ini juga diiringi oleh usaha serta inovasi yang berterusan dalam merevolusikan perkhidmatan sambungan internet dan penderiaan jauh mampu milik kepada berjuta-juta individu di rantau Asia Tenggara.

"Kami (Angkasa-X) komited menyampaikan rangkuman sosial inovatif dari segi perkhidmatan *'Satellite-as-a-Service'* atau SaaS untuk membentuk gugusan LEO di sepanjang garisan khatulistiwa," jelasnya.

Difahamkan, satelit seberat 12 kilogram itu dibawa menggunakan Roket Soyuz-2 dan dilancarkan pada 7.36 malam waktu tempatan. Dianggarkan, PG1 mempunyai jangka hayat antara empat hingga lima tahun di angkasa sekali gus dilihat mampu memacu pembangunan dalam teknologi angkasa lepas.

# Kereta kabel Bukit Bendera imbangi beban trafik funikular

**GEORGE TOWN -** Sistem kereta kabel untuk Projek Kereta Kabel Bukit Bendera bakal dikendalikan dan dilaksanakan oleh sebuah syarikat peneraju pasaran global dalam kejuruteraan laluan kereta kabel, *The Doppelmayr Group*.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa beliau yakin bahawa perkhidmatan kereta kabel di Bukit Bendera kelak akan memenuhi piawaian antarabangsa dengan penglibatan syarikat *The Doppelmayr Group*.

"Syarikat berkenaan telah membina lebih 86 pemasangan kereta kabel yang terletak di tapak Warisan Dunia UNESCO, Geopark dan Biosfera serta Taman Negara di seluruh dunia.

"(Dan) sistem kereta kabel yang disediakan diiktiraf secara meluas kerana kebolehpercayaan, keselamatan dan berteknologi canggih," ujarnya pada sidang media sejurus majlis menandatangani perjanjian konsesi antara Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PHC) dan Hartasuma Sdn. Bhd. di sini pada 26 Jun 2023.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Mohd. Sayuthi Bakar.

Dalam pada itu, Kon Yeow yang juga Pengerusi PHC menyatakan bahawa majlis tersebut menandakan satu lagi peristiwa penting buat Pulau Pinang dalam merealisasikan Visi Penang2030.

"Pendekatan holistik akan diguna pakai untuk memastikan kereta kabel Bukit Bendera bukan sahaja menjadi tarikan bertaraf dunia malah memberi penyelesaian pengangkutan hijau dan mampan.

"Segala fasiliti di kawasan pembangunan akan dipertingkatkan demi keselesaan semua pengunjung dan penduduk tempatan, termasuk pengindahan kawasan sekitar Taman Botani Pulau Pinang.

"Cadangan pelaburan adalah sekurang-kurangnya RM245 juta oleh Hartasuma Sdn. Bhd.," katanya.

Beliau memaklumkan bahawa pada 14 Disember 2022, satu sidang media telah diadakan yang mana Pengarah Eksekutif Hartasuma Sdn. Bhd., Tan Sri Ravindran Menon mengumumkan bahawa projek tersebut telah dianugerahkan kepada syarikah terbabit yang mempunyai pengalaman 30 tahun dalam keseluruhan rangkaian penyampaian projek.

"Reka bentuk terperinci projek berkenaan kini sedang dilaksanakan untuk mewujudkan sistem pengangkutan bersepadu dengan pelan pengurusan trafik yang teliti.



**ILUSTRASI stesen kereta kabel di atas Bukit Bendera.**

"Ini termasuk pembinaan kompleks parkir bertingkat dengan ruang yang luas; penyediaan ruang parkir bagi pengangkutan awam, bas pelancongan dan perkhidmatan *e-hailing* serta parkir awam di tepi jalan bagi pengunjung Taman Botani dan kawasan sekitar.

"Apabila siap kelak, ia mampu mengimbangi beban trafik funikular Bukit Bendera terutama semasa musim puncak dengan menawarkan pengangkutan mengambil kira nuansa alam sekitar dan sosial di kawasan tersebut.

"Sistem kereta kabel merupakan mod pengangkutan awam hijau, paling mampan dengan menggunakan kuasa elektrik serta mengeluarkan bunyi yang sangat rendah.

"Malah, pembangunan projek ini juga melibatkan penebangan pokok minimum agar tidak memberi kesan buruk kepada alam sekitar," jelasnya yang menjangkakan projek berkenaan siap dalam tempoh tiga tahun lagi.

Terdahulu, Pengurus Besar PHC, Dato' Cheok Lay Leng membentangkan perincian projek berkenaan yang dijangka bermula pada suku kedua 2024 dan kini dalam proses memuktamadkan butiran teknikal.

Difahamkan, projek pembangunan kereta kabel sejauh 2.73 kilometer tersebut telah dianugerahkan kepada syarikat perintis tempatan dalam industri rel tempatan, Hartasuma Sdn. Bhd. melalui Perkongsian Awam-Swasta (PPP) atas asas reka bentuk, kewangan, bina, operasi dan pemindahan. Panggilan tender telah diadakan pada 31 Januari 2021 dan dilanjutkan tempoh sah laku kepada 30 November 2022 disebabkan pandemik COVID-19.

# WoodHAVEN nilai tarikan baharu




PINTU masuk Taman WoodHAVEN.

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**

**BERAPIT** – Diilhamkan daripada konsep taman rimba bandar, Taman Botani Pulau Pinang dan Taman Bandaraya di bahagian pulau, Taman WoodHAVEN yang terletak dekat Jalan Betek, Bukit Mertajam kini menjadi taman rimba malam kedua dibuka kepada umum.

Berkeluasan 6.5 ekar, Taman WoodHAVEN yang dirasmikan oleh Yang DiPertua Negeri (TYT), Tun Ahmad Fuzi Abdul Razak pada 26 Jun lalu dibangunkan oleh Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang (PSDKLPP) dengan kos berjumlah RM2.47 juta.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa projek pembangunan taman rimba tersebut merupakan salah satu daripada Manifesto Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) Kerajaan Negeri pada tahun 2018 demi kesejahteraan keluarga.

"Kewujudan taman ini semestinya akan menjadi satu lagi nilai tarikan baharu di Pulau Pinang khasnya di Bukit Mertajam, Seberang Perai bukan sahaja kepada pengunjung tempatan tetapi dari luar juga.

"(Dan) berbekalkan semangat LovePENANG, elemen penting berorientasikan keluarga turut ditambah kepada taman ini sekali gus menjadikannya taman rekreasi pertama di negeri ini bercirikan *'Family Lawn'*.

"Semoga Taman WoodHAVEN ini memberi nafas baharu kepada kawasan-kawasan lapang di negeri ini sebagai platform persekitaran hijau bagi meluangkan masa terutamanya keluarga dan komuniti," ujarnya yang turut serta dalam Majlis Perasmian Taman WoodHAVEN di sini 26 Jun lalu.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Mohd. Sayuthi Bakar; Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee; Exco Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Agama Bukan Islam, Chong Eng dan Exco Kebajikan dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh.

Pada majlis sama, Kon Yeow yang juga Ahli Parlimen Batu Kawan merakamkan penghargaan kepada PSDKLPP dan badan-badan berkaitan dalam merealisasikan taman tersebut.

"Saya juga difahamkan, bahawa taman ini merupakan taman rimba malam kedua yang pernah dibina di negeri ini selepas yang pertama, Taman Areca dibangunkan di bahagian pulau," katanya.

Usai majlis perasmian, Ahmad Fuzi dan Kon Yeow turut memberi sentuhan akhir mengecat mural sepanjang 218.5 meter dengan ketinggian 2.1 meter yang menunjukkan gabungan konsep semula jadi serta abstrak.



**TYT mencanting lukisan batik sejurus Majlis Perasmian Taman WoodHAVEN di sini baru-baru ini.**





ARCA unik yang menjadi tarikan.



**ELEMEN-elemen moden yang turut diserapkan.**

# Galeri Haji Pulau Pinang terima pengiktirafan MBOR



RUPA bentuk bangunan Galeri Haji Pulau Pinang.

**GEORGE TOWN -** Galeri Haji Pulau Pinang yang terletak di Jalan Lebuh Acheh menerima pengiktirafan daripada *Malaysia Book of Records* (MBOR) sebagai Galeri Haji Pertama dalam negara.

Ketua Menteri *'Caretaker'*, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa lokasi yang menempatkan bangunan Galeri Haji Pulau Pinang juga mencatat sejarahnya tersendiri apabila pernah menjadi transit jemaah haji dari Malaysia, Indonesia dan Thailand untuk berlepas ke Tanah Suci Mekah pada pertengahan abad ke-19.



BEKAS mengisi air zam-zam yang turut dipamerkan.

"Ekoran kemasyhurannya, lokasi itu juga pernah digelar sebagai Jeddah Kedua atau Mekah Kecil *(Little Mecca)* yang bermaksud pusat segala urusan mengenai ibadah haji, sebelum adanya IMT-GT *(Indonesia Malaysia Thailand - Golden Triangle)* lagi.

"Lokasi dan galeri ini menjadi maklumat terpenting bagi masyarakat Islam dalam mengimbas kembali sejarah dan peranannya.

"Walaupun bersaiz sederhana, tetapi Galeri Haji Pulau Pinang memberi maklumat dengan mempamerkan pengenalan penting bukan sahaja kepada masyarakat bukan Islam malah juga pelancong sambil mengimbas kembali sejarah serta warisan di sini,'' ujarnya ketika menyaksikan penyampaian sijil MBOR kepada Galeri Haji Pulau Pinang di sini 6 Julai lalu.

Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Islam Pulau Pinang (YIPP) Mohd. Fitri Ibrahim dan Ketua Pegawai Eksekutif MBOR, Christoper Wong.

Mohd. Fitri dalam pada itu menyatakan bahawa sehingga kini, galeri berkenaan mencatatkan lebih 10,000 pelawat yang terdiri daripada pelancong dari dalam dan luar negara.

Mengulas lanjut, beliau memberitahu bahawa galeri yang dirasmikan oleh tokoh Islam bertaraf dunia, Mufti Ismail Menk itu juga pernah dikunjungi Duta Amerika Syarikat, wakil Kedutaan Perancis, Singapura dan lain-lain lagi.

"Galeri Haji Pulau Pinang pernah menerima Anugerah Cemerlang Warisan 100 Tahun Pulau Pinang daripada Kerajaan Negeri pada 2022, dan penerimaan pengiktirafan daripada MBOR ini adalah bersempena sambutan Hari Warisan Dunia George Town," ulasnya lanjut.

Difahamkan, Galeri Haji Pulau Pinang yang terletak berhampiran Masjid Melayu Lebuh Acheh itu kini menempatkan lebih 40 koleksi terpenting seperti buku catatan ke tanah suci, poskad, syiling lama, tong sahara, kiswah dan gambar kapal haji yang membawa bakal jemaah ke Tanah Suci.



# PBAHB teruskan usaha laksana projek bekalan air

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**PANTAI JEREJAK -** Perbadanan Bekalan Air Holdings Berhad (PBAHB) mencatatkan keuntungan selepas cukai sebanyak RM77.12 juta dengan tambahan dividen sebanyak 1.5 sen sesaham bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022.

Perkara tersebut diumumkan oleh Ketua Menteri yang juga Pengerusi Bukan Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) Sdn. Bhd., Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow pada sidang media seusai Mesyuarat Agung Tahunan Ke-23 PBAHB di sini pada 27 Jun 2023.

"Pendapatan operasi PBAHB dijana hasil penjualan air terawat oleh anak syarikat utama, PBAPP yang mengenakan tarif domestik terendah di Malaysia, iaitu 32 sen untuk setiap 1,000 liter bagi 35,000 liter pertama sebulan pada 2022.

"Purata tarif domestik PBAPP itu adalah 141 peratus lebih murah daripada purata nasional iaitu 77 sen setiap 1,000 liter pada tahun 2020 sekali gus membuktikan bahawa PBAPP sebagai pengendali bekalan air paling cekap di Malaysia.

"Selain beroperasi dengan keuntungan, ia juga memenuhi komitmen tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang signifikan dengan menyediakan subsidi air domestik untuk 585,740 pengguna air domestik di negeri ini," ujarnya yang juga Pengerusi Bukan Eksekutif PBAHB.

Bercakap kepada pemberita selepas itu, Kon Yeow memaklumkan bahawa jumlah pembayaran dividen untuk tahun 2022 berjumlah 3.0 sen sesaham selepas mesyuarat hari ini (27 Jun) telah meluluskan tambahan 1.5 sen.

"Jumlah pembayaran bagi dividen peringkat akhir tunggal ini berjumlah RM4.96 juta dan dibayar kepada semua pemegang saham pada 28 Julai 2023, ini bermakna PBAHB memberi dividen selama 22 tahun berturut-turut sejak 2001.

"(Dan) bagi mengekalkan tarif domestik rendah, PBAPP terpaksa menyerap subsidi air domestik berjumlah RM103.71 juta pada 2022," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, secara relatifnya Kon Yeow menyatakan bahawa PBAPP akan melaksanakan projek bekalan air utama yang dijangka menelan belanja RM1.185 bilion dalam tempoh lima tahun akan datang.

Walau bagaimanapun, beliau menyifatkan bahawa ia sebagai salah satu cabaran membiayai perbelanjaan modal *(capex)* untuk melaksanakan projek-projek tersebut.

"Jika syarikat tidak memperoleh pendapatan yang mencukupi untuk membiayai perbelanjaan modal maka sedikit wang boleh digunakan termasuk penggantian paip di negeri ini.

"(Dan) sekiranya tidak mempunyai dana yang mencukupi untuk melancarkan projek utama, maka kita tidak mempunyai pilihan selain menggunakan pembiayaan luar, seperti memohon pinjaman daripada bank perdagangan," ulasnya.

Projek tersebut termasuk lima komponen utama asal dan tiga komponen baharu Pelan Kontingensi Air PBAPP 2030 (WCP 2030), iaitu pemasangan saluran paip pengagihan air 1,800 milimeter sepanjang 13 kilometer dari Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua ke Butterworth di Seberang Perai; dari Macallum ke Kompleks Kolam Air dan Stesen Pam Bukit Dumbar di bahagian pulau sejauh 3.9 kilometer dan pembinaan LRA baharu di Sungai Muda bagi meningkatkan kapasiti air terawat sebanyak 114 juta liter sehari (JLH).

Manakala lima komponen utama adalah LRA Bukit Panchor yang menggunakan teknologi pengapungan udara terlarut (DAF); Pakej 12A di LRA Sungai Dua bagi modul rawatan air tambahan; LRA Empangan Mengkuang; LRA Sungai Kerian Fasa 1 dan Projek Air Pulau Pinang - Perak (dahulu dikenali sebagai Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak, (SPRWTS) termasuk pra rawatan air mentah).

Mengenai Projek Air Pulau Pinang - Perak, Kon Yeow memaklumkan bahawa sekiranya berjaya, ia akan memberi manfaat sumber air mentah kedua sehingga 2050 yang melibatkan inisiatif *Government-to-Government* (G2G) negeri.

"Pada ketika ini, siapnya Projek Pembesaran Empangan Mengkuang (MDEP) bernilai RM1.2 bilion dan Projek Air Pulau Pinang-Perak menjadi pilihan paling rasional serta kos efektif untuk menangani keperluan dan risiko air Pulau Pinang," jelasnya.

1 CITY
LOT KOMERSIAL 2 TINGKAT
LOKASI YANG STRATEGIK
1-CITY terletak di kawasan strategik berhampiran menuju Highway Utara-Selatan (PLUS) dan kawasan industri serta dijalinkan dengan bandar besar seperti Bukit Mertajam, Butterworth dan Kulim.


HAKMILIK KEKAL
5% DISKAUN UNTUK BUMIPUTERA
LOT KOMERSIAL 2 TINGKAT
Harga Jualan:
RM780,000 (Min.)-RM1,588,000 (Mak.)
Luas Tanah:
1380kps (Min.)-2848kps (Mak.)
Luas Binaan:
2563kps (Min.)-4709kps (Mak.)


GPS: 5°18'42.394"N 100°26'28.643"E
PEMAJU:
PARAMOUNT GARDEN SDN. BHD. 1149658-D
1797-1-8, Kompleks Auto World, Jalan Perusahaan Juru Interchange, 13600 Prai, Penang.
T 604-507 8980/507 8981 E loyal188@gmail.com
• Jumlah unit:42 unit • No. kelulusan pelan bangunan: MPSP/40/20-43/42 • Tarikh dijangka siap: Sep 2022 • Pihak berkuasa yang meluluskan pelan bangunan: MPSP • Semua pelan, spesifikasi, ukuran dan informasi yang tertera di sini adalah tertakluk kepada variasi, perubahan dan gantian seperti mana yang dicadangkan oleh pihak berkuasa atau konsultant-konsultant project tanpa notis. Segala gambaran yang tercetak di sini adalah ilustrasi artis sahaja. *Tertakluk kepada syarat-syarat.

# *Ion Vivace*, bekalkan unit kediaman berkualiti

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**BUKIT TAMBUN -** Firma hartanah NCT Alliance Berhad giat memperluaskan operasi perniagaannya menerusi projek kediaman terbaru syarikat di Batu Kawan, yang dikenali sebagai *Ion Vivace* dengan nilai pembangunan kasar kira-kira RM300 juta.




**MODEL projek pemajuan *Ion Vivace* dengan nilai pembangunan kasar kira-kira RM300 juta yang bakal dibangunkan.**

Seusai menyempurnakan majlis pecah tanah projek tersebut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa projek *Ion Vivace Residences* baharu itu menandakan satu langkah penting ke hadapan dalam usaha pembangunan inovasi mengikut cita rasa penduduk di negeri Pulau Pinang.

"Pembangunan *Ion Vivace* merangkumi Visi (Penang2030) dengan menyediakan bukan sahaja ruang kediaman selesa dan kontemporari, malah turut memupuk semangat kemasyarakatan serta kesalinghubungan yang jitu.

"Projek ini juga melambangkan komitmen (Kerajaan Negeri) untuk membangunkan kawasan kejiranan yang mampan, direka bentuk dengan baik serta inklusif sosial untuk manfaat penduduk, khususnya di sekitar Batu Kawan," jelasnya yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi pada majlis perasmian projek berkaitan di sini pada 3 Jun 2023.

Di samping itu, beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Batu Kawan menyatakan bahawa pentadbirannya berharap projek berkaitan akan turut membantu Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam membekalkan unit kediaman berkualiti untuk rakyat dalam negara di Pulau Pinang.

Sebelum itu, Pengerusi Eksekutif dan Pengarah Urusan Kumpulan NCT Alliance Berhad, Datuk Seri Yap Ngan Choy dalam ucapannya antara lain memberitahu bahawa projek pemajuan yang terdiri daripada dua blok pangsapuri perkhidmatan tersebut adalah berdasarkan konsep Itali serta dijadualkan siap pada tahun 2027.

"Pangsapuri perkhidmatan itu mempunyai kawasan binaan antara 520 kaki persegi hingga 1,176 kaki persegi.

"Projek pembangunan sejumlah 528 unit yang ditawarkan terdiri daripada empat jenis kediaman berbeza termasuk dua bilik tidur, tiga bilik tidur dan studio berbalkoni serta tanpa balkoni; direka sesuai dengan cita rasa pembeli," ulasnya.

Buletin Mutiara difahamkan bahawa *Ion Vivace* Residences terletak di kawasan mudah dikunjungi iaitu di antara gedung kelengkapan rumah IKEA Batu Kawan, *Design Village Outlet* serta berhampiran pelbagai lot komersial lain termasuk pasar raya mega, restoran, pusat khidmat jagaan kesihatan dan institusi pendidikan lanjutan.

Sebagai rekod, NTC Alliance Berhad merupakan syarikat pembangunan hartanah jenis kediaman, hartanah pelaburan berpusat pelancongan serta hartanah perindustrian.

Firma swasta itu diperbadankan pada tahun 2004 sebagai penyedia perkhidmatan teknologi maklumat sebelum menceburi sektor pembangunan hartanah pada pertengahan 2013, dan kini disenaraikan dalam Pasaran Utama Bursa Malaysia.



# Hadapi semua cabaran dengan tabah dan sabar

**BARU-BARU** ini **NOR HASSIM MAHAT** dipilih menerima Anugerah Tokoh Kepimpinan Pendidikan sempena majlis sambutan Hari Guru 2023 Peringkat Negeri Pulau Pinang.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow dengan diiringi Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Pulau Pinang, Abdul Rashid Abdul Samad menyampaikan anugerah kepada Nor Hassim bersama-sama seorang lagi penerima Anugerah Guru Negeri, Loh Yat Cheng.

Mereka berdua masing-masing membawa pulang trofi, wang tunai RM2,500 serta hadiah berupa motosikal.

Nor Hassim memberitahu Buletin Mutiara bahawa beliau merupakan bekas Pegawai Pendidikan Daerah Seberang Perai Selatan (SPS).

"Saya susah bersara dua tahun lepas yang mana hari terakhir sebagai penjawat awam adalah pada 30 Ogos 2021," jelasnya kepada wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan jurugambar, **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**.

Bercerita lanjut, Nor Hassim memberitahu bahawa beliau adalah lepasan Maktab Perguruan Sri Kota, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Selepas tamat pengajian, Nor Hassim menyatakan bahawa beliau diurus mengajar di sebuah sekolah rendah kebangsaan dekat Lubok Antu, Sarawak.

"Penempatan pertama (sebagai guru terlatih) dalam sejarah hidup saya adalah di Sekolah Kebangsaan Skarok dekat (Daerah) Lubuk Antu, di bahagian Sri Aman, Sarawak.

"Selama lima tahun juga saya di sana, bermula pada 1984 hingga 1988.

"Selepas lima tahun berkhidmat di negeri Sarawak, saya ditempatkan di (sebuah) Sekolah Rendah Kebangsaan Methodist, selama lima tahun juga saya di sana.

"Selepas itu, saya melanjutkan pelajaran peringkat ijazah pertama di Universiti Sains Malaysia secara Pendidikan Jarak Jauh (PJJ)," ujarnya.

Seusai mendapat segulung ijazah, Nor Hassim berkata bahawa Kementerian Pelajaran (KPM) pada tahun 1994 menempatkan beliau di sebuah Sekolah Menengah Methodist pula.

"Pada tahun 2009, saya ditukar ke Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Nibong selama dua tahun, menjawat sebagai Penolong Kanan di sekolah berkenaan.

"Kemudian, saya ditawarkan sebagai Ketua Penolong Pengarah Sektor Pembangunan Kemanusiaan di Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang pada tahun 2011 dan 2012," ulasnya lanjut.

Melihat kepemimpinan Nor Hassim yang kian menyerlah pada peringkat jabatan, beliau kemudiannya diberi kepercayaan lebih besar iaitu sebagai Ketua Sektor Pendidikan Khas dan Swasta, selama tiga tahun sehingga 2015.

"Selepas hampir lima tahun saya berkhidmat di Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang, saya telah ditukarkan ke Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) SPS, mulai tahun 2015 sehingga saya menamatkan perkhidmatan saya sebagai penjawat awam.

Ditanya mengenai pencapaian selama dalam perkhidmatan, pada mulanya Nor Hassim berat mulut untuk berkongsi.




**DEDIKASI Nor Hassim Mahat melayakkan beliau menerima Anugerah Tokoh Kepimpinan Pendidikan 2023.**

Selepas dipujuk, akhirnya beliau bersetuju untuk berkongsi secara sederhana, moga-moga menjadi sumbu inspirasi kepada sekalian warga pendidik di luar sana.

"Selama tempoh perkhidmatan saya sebagai seorang pendidik, dan juga pengurus serta pentadbir peringkat sekolah (dan PPD), saya telah mendapat Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) sebanyak lima kali.

"Daripada Kerajaan Negeri, saya telah mendapat Pingat Kelakuan Terbaik pada tahun 2012, anugerah diberikan oleh Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang," jelasnya.

Selain itu, Nor Hassim memberitahu bahawa beliau turut menerima Bintang Cemerlang Negeri pada tahun 2020 dan beberapa anugerah lain.

Mengulas lanjut, Nor Hassim menyatakan bahawa pelbagai anugerah yang diterimanya sama ada pada peringkat Kerajaan Tempatan, Kerajaan Negeri, kebangsaan mahupun antarabangsa.

Bercakap mengenai Anugerah Tokoh Kepimpinan Pendidikan yang baru diterima, Nor Hassim berkata bahawa dalam kalangan guru, sebenarnya ada ramai yang lebih layak menerimanya, cuma pada kali ini beliau dipilih menerima anugerah tersebut.

"Menyentuh soal kepimpinan, saya suka menerapkan aspek perwatakan dan kebersamaan.

"Jadi, apa juga bentuk pendekatan di bawah pentadbiran saya, dianggap bukanlah berasaskan idea saya sendiri, tetapi hasil daripada perbincangan.

"Saya berpegang kepada konsep yang mana sebelum satu-satu perkara nak dilakukan sama ada projek, program atau aktiviti, biasanya saya akan meletakkan KPI (petunjuk prestasi utama) dan juga perancangan strategik organisasi.

"Jadi apa jua projek, program atau aktiviti yang nak dilakukan, ia mestilah bertitik tolak daripada perancangan yang strategik supaya ada hala tuju dan KPI ditetapkan dicapai," ujarnya sambil menganggap bahawa segala kejayaan dirangkul adalah 'kejayaan bersama'.

Mengakhiri wawancara, Nor Hassim memberitahu bahawa beliau secara peribadi meletakkan harapan yang besar di atas sekalian guru dan pemimpin muda di tanah air ini.

"Bagi pemimpin muda, dekat dunia pendidikan ini adalah sesuatu yang sangat dinamik.

"Kalau kita tengok dari dekad, dunia pendidikan memang mengalami begitu banyak perubahan, dan transformasi itu senantiasa berlaku," ulasnya.

Perubahan yang dimaksudkan, kata beliau, adalah elemen penambahbaikan mesti terus dilakukan oleh generasi pendidik pada hari ini supaya sesuai mengikut acuan serta peredaran zaman.

"Nasihat saya kepada sekalian pemimpin muda ini, kita kena sambut dan menghadapi (semua cabaran dan perubahan dalam dunia pendidikan) dengan perasaan tabah dan sabar.

"Dengan keyakinan, senantiasalah perbaiki diri kita, yang mana kekurangan dan kelemahan yang ada pada diri kita, segala kelebihan yang ada, kita mantapkan lagi.

"Bagi saya, pemimpin yang baik adalah mereka yang senantiasa mendampingi serta senantiasa merapatkan jurang dengan pemimpin di bawah kepimpinan mereka," jelasnya sambil merakamkan penghargaan kepada Buletin Mutiara atas sesi wawancara ini.




**RAKAMAN gambar kenangan bersama-sama rakan seperjuangan.**

# Insentif teksi, kereta sewa dan bas sekolah diteruskan

Oleh : **NUR ASHIKIN ISMAIL**
Gambar : **SITI NURATIKAH RAHMAT**



ZAIRIL Khir Johari (duduk, tiga dari kanan) merakam gambar kenangan bersama-sama wakil-wakil penerima pada majlis sumbangan insentif kepada para pemandu teksi, kereta sewa dan pengusaha bas sekolah di sini baru-baru ini.

**SEJAK** 2013 sehingga kini, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM16.56 juta khas untuk insentif kepada para pemandu teksi, kereta sewa dan pengusaha bas sekolah di negeri ini.

Exco Infrastruktur dan Pengangkutan, Zairil Khir Johari berkata bahawa pemberian insentif sebanyak RM600 setiap seorang itu adalah sebagai mengiktiraf perkhidmatan dan sumbangan mereka selama ini.

"Jumlah kumulatif bantuan kewangan sebanyak RM600 ini adalah berbentuk tunai yang mana pembayaran dilakukan sebanyak dua kali setahun sempena Tahun Baru Cina dan juga sambutan Hari Raya Aidilfitri, namun sejak pandemik COVID-19 melanda, pembayaran telah dilaksanakan secara bayaran terus ke akaun melalui *Electronic Fund Transfer* (EFT).

"Kini, mod bayaran insentif ini telah dinaik taraf dengan menggunakan sistem i-Sejahtera yang mana pemohon perlu memohon secara dalam talian sahaja tanpa perlu mengemukakan borang permohonan dan lain-lain dokumen secara fizikal," ujarnya semasa sidang media pemberian insentif berkaitan di sini pada 20 Jun lalu.

Hadir sama, Pengerusi Gabungan Persatuan Pemandu Teksi dan Pemandu Kereta Sewa Negeri Pulau Pinang, Mohamad Shahimi Hadzri; Pengerusi Persatuan Pengusaha Bas Sekolah Pulau Pinang, Ang Beng Teong dan Pengerusi Persatuan Pengusaha Bas Sekolah Seberang Perai, Tan Chin Lee serta wakil-wakil persatuan lain-lain.

Zairil yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjong Bunga berharap sumbangan insentif berkaitan dapat mengurangkan beban dihadapi pemandu teksi dan kereta sewa serta pengusaha bas sekolah di Pulau Pinang.

"Sebagai duta kecil kepada Kerajaan Negeri, diharapkan semua pemandu teksi dapat menjaga imej baik Pulau Pinang terutama ketika membawa pelancong dari dalam dan luar negara memandangkan pintu sempadan telah dibuka dan sektor pelancongan semakin rancak.

"Di samping itu, diharapkan insentif yang telah diberi ini digunakan secara berhemah untuk membantu keluarga dan meringankan beban pemandu teksi, pemandu kereta sewa serta pengusaha bas sekolah dalam urusan seharian," katanya.

Dalam sesi yang sama, Buletin Mutiara turut berkesempatan menemu bual beberapa penerima insentif antaranya Penolong Setiausaha Gabungan Persatuan Teksi dan Kereta Sewa Pulau Pinang, **ABDUL AZIZ MOHAMAD MYDIN**.

"Bagi sesetengah orang, mungkin amaun RM600 tidak mencukupi untuk perbelanjaan, tapi bagi kami (pemandu teksi dan kereta sewa) ia sangat bertepatan dan dianggap sebagai 'duit tepi' bagi memenuhi keperluan serta perbelanjaan.

"Ditambah pula dengan penyaluran setiap dua kali setahun terutamanya semasa sambutan perayaan, tidak dinafikan ia sangat meringankan beban kami semua," ulasnya.

Bagi Pengerusi Koperasi Pemandu Teksi dan Kereta Sewa Melayu Pulau Pinang, **MOHAMAD YUSOFF SIBRAHIM** pula memuji inisiatif Kerajaan Negeri yang tidak putus-putus menyalurkan bantuan kepada para pemandu.

"Saya amat bersyukur dengan keprihatinan Kerajaan Negeri kerana tidak meminggirkan kami.

"Sudah tentu seperti tahun-tahun sebelumnya, pemberian insentif ini bakal dimanfaatkan dengan sebaik mungkin dan diharapkan inisiatif ini diteruskan pada masa akan datang," ujarnya yang sudah berkhidmat selama 15 tahun sebagai pemandu teksi.

Seorang lagi penerima, yang mahu dikenali sebagai **ANG BENG TEONG**, menyatakan bahawa hanya negeri Pulau Pinang sahaja yang menyalurkan insentif kepada pengusaha bas sekolah sepertinya.

"Sebagai pengusaha bas sekolah, saya berasa inisiatif ini sangat bertepatan serta meringankan beban kami semua, ribuan terima kasih diucapkan kepada Kerajaan Negeri," responsnya.



ABDUL Aziz Mohamad Mydin.



MOHAMAD Yusoff Sibrahim.



ANG Beng Teong.



| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.26 PADANG KOTA**<br>YAB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **N.03 PINANG TUNGGAL**<br>YB Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman | (T) 04 - 575 6526<br>(F) 04 - 575 6526 |
| **N.16 PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 383 9131<br>(F) 04 - 383 9131 |
| **N.07 SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **N.12 PENANTI**<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| **N.15 PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028<br>(F) 04 - 530 3028 |
| **N.29 DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh Deo<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **N.37 BATU MAUNG**<br>YB Dato' Haji Abdul Halim Hussain<br>pusatkhidmatn37@gmail.com | (T) 04 - 626 1442<br>(F) 04 - 626 1442 |
